

Mesej Enam
Mencapai Kebangkitan Unggul

Bacaan Bible: Flp. 3:10-14; Roma 6:3-5; 8:11; Wahi 1:17b-18

I. “Kebangkitan unggul” merujuk kepada kebangkitan terulung, kebangkitan istimewa yang akan menjadi hadiah kepada pekudus jayeng—Flp. 3:11; Wahi 20:4, 6:

- A. Ketika Tuan kembali, semua percayawan yang mati dalam Kristus akan bangkit daripada yang mati—1 Tes. 4:16; 1 Kor. 15:52.
- B. Pejayeng Tuan akan menikmati suatu bahagian yang istimewa dan terulung daripada kebangkitan itu, yakni kebangkitan yang dalamnya mereka akan menerima ganjaran kingdom; inilah yang dikehjarn oleh dutus Paulus—Flp. 3:11; Ibr. 11:35, 26.

II. Bagi Paulus, hidup adalah Kristus yang merupakan kebangkitan unggul itu—Flp. 1:21a; 3:11:

- A. Kristus yang hidup dalam Paulus ialah Dia yang dalam Persona diri-Nya merupakan realiti kebangkitan unggul itu—Yoh. 11:25; Wahi 1:17b-18; 2:8.
- B. Kebangkitan unggul itu sebenarnya ialah persona Kristus yang dikasihi, mestika, dan unggul, yakni Dia yang telah keluar daripada ciptaan lama dan masuk ke dalam Tuhan menerusi penyaliban dan kebangkitan—Yoh. 14:3, 20; Ibr. 6:19-20.
- C. Untuk mencapai kebangkitan unggul itu, kita perlu mengenali Kristus dalam kudrat kebangkitan-Nya, mengenali-Nya dalam persekutuan penderitaan-Nya, dan mengenali-Nya dengan dikonform kepada kematian-Nya—Flp. 3:10-11.
- D. Dalam ayat 13 dan 14, kita melihat bahawa Paulus tidak mengira dirinya telah memperoleh kebangkitan unggul itu; dia mengejar ke arah matlamat kebangkitan unggul untuk mendapat hadiah yang untuknya Tuhan dalam Kristus Yesus telah memanggilnya ke atas.

III. Kehidupan Kristian kita mempunyai satu matlamat, dan matlamat ini ialah kebangkitan unggul, kebangkitan luar biasa—ay. 11:

- A. Paulus beraspirasi agar dikonform kepada kematian Kristus supaya dengan cara apa pun dia dapat sampai ke tahap kebangkitan unggul daripada yang mati—ay. 10.
- B. Kristus yang harus kita berhidupkan itu sendiri ialah kebangkitan unggul itu—1:21a; 3:11; Yoh. 11:25.
- C. Kita semua dalam perjalanan untuk sampai ke kebangkitan unggul; kebangkitan unggul harus menjadi matlamat dan destinasi kehidupan Kristian kita—Flp. 3:11-15.
- D. Jalan yang menuju kebangkitan unggul ialah proses kebangkitan—Roma 8:11:
 1. Proses ini bermula pada hari kita dibaptis dan akan berakhir apabila kita sampai ke tahap kebangkitan unggul—6:3-5.
 2. Apabila kita bergerak ke arah matlamat, kita berada dalam proses dibangkitkan; akhirnya, setiap bahagian diri kita akan dibangkitkan—1 Tes. 5:23.
 3. Kita akan terus berada dalam proses ini sehingga kita sampai ke matlamat kebangkitan unggul—Flp. 3:11.
- E. Mencapai kebangkitan unggul bererti sampai ke tahap kebangkitan unggul; ini memerlukan kita berlari dalam perlumbaan dengan jayeng untuk mendapat hadiah itu—1 Kor. 9:24-26; 2 Tim. 4:7-8; Ibr. 12:1-2.

IV. Hasil daripada dikonform kepada kematian Kristus ialah kita dapat mencapai kebangkitan unggul daripada yang mati—Flp. 3:10-11:

- A. Kematian ialah syarat bagi kita mencapai kebangkitan unggul—ay. 11.
- B. Mencapai kebangkitan unggul ialah hasil daripada dikonform kepada kematian Kristus—ay. 10.

- C. Dikonform, dibentuk kepada kematian Kristus bermakna kita sentiasa kekal berada dalam kematian-Nya—Roma 6:6; Gal. 2:20; Flp. 3:10.
 - D. Jika kita dikonform kepada kematian Kristus, kita akan berada dalam hayat kebangkitan Kristus, dan dalam kebangkitan kita akan bertemu dengan Kristus, mengalami Kristus, dan menikmati Kristus—Yoh. 11:25; Ef. 3:8; Flp. 1:8, 19, 21a; 2:5-8; 3:12.
 - E. Jika kita kekal berada dalam kematian Kristus, membenarkan diri kita dibentuk kepada rupa kematian ini, hasilnya ialah setiap bahagian diri kita beransur-ansur dibangkitkan—ay. 10-11.
- V. Berkenaan mencapai kebangkitan unggul, kita perlu bertanyakan satu soalan penting: Dapatkah kita mencapai matlamat kebangkitan unggul pada zaman ini, atau kita hanya berlari dalam perlumbaan dan berharap untuk mencapai matlamat pada zaman akan datang?**
- A. Jika kita berfikir bahawa kita perlu tunggu sehingga zaman yang akan datang untuk mencapai matlamat kebangkitan unggul tetapi tidak mencapai matlamat ini pada zaman ini, kita tidak akan mencapainya pada zaman yang akan datang.
 - B. Kita harus berusaha mencapai kebangkitan unggul dalam jangka hayat kita ini—ay. 11.
 - C. Roma 8:11 mewahikan bahawa kita dapat mencapai kebangkitan unggul pada zaman ini:
 1. Ayat ini mengatakan bahawa jika Roh kepada Dia yang membangkitkan Yesus daripada yang mati huni dalam kita, maka Dia yang membangkitkan Kristus daripada yang mati juga akan memberi hayat kepada bahagian diri kita yang akan mati itu, yakni tubuh kita yang akan mati.
 2. *Memberi hayat* dalam ayat 11 bukan merujuk kepada penyembuhan tetapi merujuk kepada hasil kita membenarkan Roh Tuhan berumah dalam kita dan menepui seluruh diri kita dengan hayat divin.
 3. Roh itu huni dalam kita untuk menggarapkan kebangkitan unggul ke dalam diri kita dengan cara yang benar dan praktikal.
- VI. Sampai ke tahap kebangkitan unggul menunjukkan bahawa seluruh diri kita telah dibangkitkan secara beransur-ansur dan berterusan—1 Tes. 5:23:**
- A. Mula-mulanya Tuhan membangkitkan roh kita yang mati; Dia terus membangkitkan sukma kita dan tubuh kita yang akan mati sehingga seluruh diri kita, iaitu roh, sukma, dan tubuh dibangkitkan sepenuhnya daripada diri lama kita melalui hayat-Nya dan dengan hayat-Nya—Ef. 2:5-6; Roma 8:6, 11.
 - B. Ini merupakan proses dalam hayat yang harus kita lalui dan perlumbaan yang perlu kita sertai sehingga kita sampai ke tahap kebangkitan unggul yang merupakan hadiah—Flp. 3:11-14.
 - C. Jika kita dikonform kepada kematian Kristus, setiap bahagian diri kita akan dibangkitkan secara beransur-ansur; oleh itu, kehidupan orang Kristian ialah proses kebangkitan.
 - D. Kita dapat mencapai matlamat ini hanya dengan menjalani kehidupan tersalib—ay. 11; Gal. 2:20.
- VII. Kita perlu dikonform kepada kematian Kristus supaya dengan cara apa pun kita dapat mencapai kebangkitan unggul daripada yang mati; inilah satu-satunya jalan untuk Tuan terus maju dalam pemulihan-Nya, satu-satunya jalan untuk membina gereja-Nya, satu-satunya jalan untuk pengantin perempuan mempersiapkan dirinya, dan satu-satunya jalan untuk membawa Tuan kembali—Flp. 3:10-11; Mat. 16:18; Wahi 19:7-9a; 22:14, 20.**